

19 OCT 2001

Belanjawan-Reaksi (Menteri)

BELANJAWAN BERI FAEDAH MENYELURUH KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Beberapa menteri Kabinet berpendapat Belanjawan 2002 memberi faedah menyeluruh kepada rakyat dengan tumpuan diberikan kepada semua golongan terutama penduduk di luar bandar.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob percaya rakyat akan menerima baik Belanjawan itu kerana ia memberi banyak manfaat kepada semua golongan termasuk penduduk di luar bandar.

"Tumpuan kerajaan terhadap projek kecil dan sederhana amat seimbang manakala hal-hal kebajikan dan faedah bagi wanita dan golongan belia turut tidak dilupakan," katanya ketika ditemui di Bangunan Parlimen di sini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini, yang antara lain memberi kenaikan gaji 10 peratus kepada kira-kira 900,000 kakitangan kerajaan serta memperuntukkan RM59 juta bagi membiayai program khusus untuk wanita.

Khalil berkata walaupun kerajaan ada menaikkan cukai bagi beberapa barangan dan kategori tetapi ia tidak membebankan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata walaupun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, keprihatinan kerajaan memberi peruntukan besar untuk mengurangi jurang perbezaan antara penduduk bandar dan luar bandar amat dihargai.

"Umumnya Belanjawan 2002 menunjukkan penekanan diberikan bukan sahaja kepada sektor perdagangan tetapi juga kepada masyarakat luar bandar, orang kurang upaya dan orang asli," katanya.

Beliau berkata Kementerian akan membuat kajian semula dan menyusun organisasi dan struktur pelaksanaan supaya peruntukan yang diberikan oleh kerajaan dapat disampaikan kepada masyarakat akar umbi dengan cepat.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula menyifatkan Belanjawan 2002 memberi peruntukan kewangan kepada sektor yang betul.

"Semua pakej dan insentif wang diperuntukkan untuk bidang yang betul seperti dalam pendidikan, kesihatan, pelancongan serta sektor lain yang memerlukan bantuan," katanya.

Dr Ling berharap sektor swasta dan orang ramai dapat memanfaatkan pemotongan beberapa jenis cukai, pengurangan cukai pendapatan, insentif serta pemberian setengah bulan bonus atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kira-kira 900,000 kakitangan kerajaan ke arah merangsang ekonomi negara.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata duti import yang lebih tinggi ke atas tembakau merupakan satu tindakan paling berkesan untuk mengurangi kesan-kesan sosial ke atas pelajar dan remaja.

Beliau berkata langkah itu dapat menyekat pelajar sekolah daripada membeli rokok berikutan nilai jualannya yang bertambah mahal.

Samy Vellu juga percaya Belanjawan 2002 mampu membawa pertumbuhan kepada ekonomi Malaysia walaupun semasa dunia sedang dilanda masalah ekonomi.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana mendengar rintihan kaum wanita dengan memberi banyak manfaat kepada golongan itu.

"Kita bersyukur Perdana Menteri memberi penghormatan tinggi kepada wanita terutama kepada balu yang kini pencen mereka akan diteruskan walaupun selepas berkahwin semula," katanya sambil menyifatkan Belanjawan tahun ini sebagai mesra wanita.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata peruntukan

sebanyak RM710 juta bagi perumahan anggota tentera amat dialu-alukan dan merupakan sesuatu yang menaikkan semangat.

Beliau juga bertetima kasih kepada kerajaan kerana menaikkan elaun anggota tentera Wataniah dan mereka yang berkepakaran dalam pasukan tentera sukarela itu.

Pemberian bonus setengah bulan gaji kepada anggota perkhidmatan awam termasuk tentera juga merupakan rahmat besar, katanuya.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata Belanjawan 2002 adalah mesra kesihatan kerana memberikan banyak sokongan kepada bidang itu termasuk peruntukan RNM6.8 bilion untuk memastikan penjagaan kesihatan terus diutamakan.

"Peruntukan yang diberikan membolehkan pembinaan 25 hospital dan 380 kilinik di luar bandar diteruskan mengikut perancangan," katanya.

Kerajaan juga bertindak wajar apabila meningkatkan cukai tembakau dan harga rokok di pasaran demi memastikan kesihatan umum dilindungi, katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata strategi yang diguna pakai dalam Belanjawan 2002 itu mengambil kira maklum balas negara kepada globalisasi dunia serta kapasiti negara.

"Belanjawan itu akan merangsang ekonomi negara menerusi perbelanjaan domestik hasil daripada langkah mengurangkan cukai pendapatan daripada 29 peratus kepada 28 peratus," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata peruntukan untuk sektor pelancongan akan digunakan untuk menarik lebih banyak pelancong ke Malaysia.

Katanya strategi-strategi baru bagi menarik pelancong asing ke Malaysia perlu dirangka semula berikutan jangkaan ketibaan pelancong merosot ekoran kejadian serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Kita menjangkakan kedatangan pelancong pada Oktober ini jatuh, sama seperti pada November dan Disember walaupun bulan-bulan itu sebelum ini adalah musim kemuncak," katanya.

Abdul Kadir berkata Kementerian juga menjangka ketibaan pelancong asing ke Malaysia pada Januari, Februari dan Mac tahun depan merosot.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata peruntukan RM81.8 juta untuk program belia dalam Belanjawan 2002 menunjukkan keperihatinan kerajaan memperkasakan dan memajukan golongan itu.

"Golongan belia yang merangkumi 40 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia merupakan aset terpenting negara. Golongan ini perlu dipupuk serta diserap dengan ilmu sebagai benteng untuk menghadapi pelbagai cabaran," katanya.

Beliau berkata peruntukan itu juga mengambil kira aspirasi dan citarasa belia masa kini.

Hishammuddin berkata beliau berpuas hati kerana Belanjawan itu memberi tumpuan khusus kepada pembangunan sukan di negara ini.

Menurutnya selain mempromosikan dasar sukan untuk semua, pencapaian cemerlang kontinjen negara pada temasya Sukan SEA XXI baru-baru ini memberi keyakinan kepada kerajaan untuk terus menganjurkan program yang meningkatkan prestasi atlit negara.

-- BERNAMA

MUN ZS NAK